

Antara peraturan dan sifat kemanusiaan

LANGKAH Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menolak rayuan ibu bapa kepada 15 pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang dibuang sekolah kerana masalah disiplin perlu dilihat dalam konteks memberi teladan dan peringatan kepada semua pelajar agar tidak berkelakuan sedemikian.

Kesemua pelajar terbabit didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin MRSM kerana memukul dan mencederakan 10 pelajar tingkatan dua dalam kejadian kelmarin. Tiada siapa boleh mempertikalkan keputusan tersebut. Itu adalah hak mereka dan ia dilakukan selepas pihak pengurusan MRSM membuat pertimbangan yang sewajarnya.

Persoalan yang harus difikirkan ialah apakah kesan keputusan itu kepada pelajar yang terlibat dan bagaimana pula penerimaan masyarakat terhadap kejadian buli di sekolah. Pemilihan pelajar terbabit ke MRSM adalah berdasarkan pencapaian Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang cemerlang.

Peristiwa ini tentu sedikit sebanyak mengingatkan kita kepada lapan pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Agama Dato' Klana Petra Maamor, Ampangan yang didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi di atas tuduhan membu-

nuh Muhammd Farid Ibrahim.

Kejadian buli di mana-mana sekolah pun perlu dilihat dari sudut faktor dan kesannya kepada pelaku dan juga si pemangsa. Kesedaran di kalangan pelajar juga perlu dipupuk bahawa perbuatan membuli walaupun pada asalnya untuk suka-suka tidak akan mendatangkan sebarang kebaikan. Buli boleh memberi kesan kepada psikologi si mangsa serta kecederaan fizikal.

Kesemua pelajar terbabit walaupun tidak lagi bersekolah di MRSM masih berpeluang melanjutkan pelajaran di mana-mana sekolah milik Kementerian Pelajaran. Jelasnya, mereka masih berpeluang memperbaiki kesilapan dan boleh berjaya dalam pelajaran. Dalam usia yang amat muda, perjalanan hidup mereka masih jauh. Kita perlu membantu mereka untuk terus berjaya dalam pendidikan.

Kesilapan yang dilakukan tidak bermakna kehidupan mereka berakhir di situ. Mereka adalah terdiri daripada pelajar yang cemerlang. Diharapkan mereka masih lagi dapat memperkembangkan potensi diri masing-masing walaupun tidak lagi belajar di MRSM.

Mereka perlu dibantu supaya dapat melalui kehidupan ini dengan lebih bermakna dan menerima kenyataan baha-

wa apa yang dihadapi adalah kesan daripada tingkah laku mereka. Jika tidak, negara akan kehilangan 15 individu cemerlang.

Masyarakat harus memberi ruang dan peluang kepada mereka. Persepsi negatif dan serong terhadap kumpulan pelajar itu tidak akan membantu mereka. Pendek kata, mereka masih mempunyai peluang untuk memperbaiki kehidupan dan diharapkan semua pihak akan bekerjasama menghulurkan bantuan.

Prihatin

Bagi keluarga pelajar tersebut, sewajarnya sebagai ibu bapa yang prihatin dengan pendidikan anak, mereka membuat rayuan. Mereka juga menyedari akan kesilapan yang dilakukan oleh anak mereka. Namun, mereka perlu menerima kenyataan apa yang telah berlaku. Pihak MRSM telah menjatuhkan hukuman yang sewajarnya.

Bagaimanapun, bagi pelajar dan keluarga yang terlibat, mereka juga perlu dibantu dalam menghadapi saat-saat sukar ini. Janganlah pula tekanan dan kesedihan yang mereka hadapi ditambah dengan hukuman-hukuman moral terha-

dap mereka.

Sikap terlalu cepat memberi hukuman, melabel dan memberi stigma juga tidak akan menolong mengurangkan masalah buli. Bantuan terutama sekali dari segi sokongan moral dan psikologi.

Masalah buli tidak akan berlaku secara bersendirian. Lantaran itu, pihak sekolah dan ibu bapa juga perlu lebih bersifat prihatin dalam menangani masalah buli dan disiplin. Pencegahan awal perlu dilakukan. Sikap prihatin pihak sekolah dan ibu bapa boleh mencegah masalah buli daripada berterusan. Guru dan ibu bapa perlu saling bantu-membantu menyelesaikan sebarang masalah yang wujud.

Dari satu segi pula, diharapkan pelajar-pelajar yang terlibat dapat meneruskan pelajaran mereka di sekolah biasa dan terus memperkembangkan potensi diri mereka.

Berusahlah bersungguh-sungguh dalam pelajaran dan buktikan untuk tidak mengulangi kesilapan yang dilakukan. Jadikan kesilapan ini sebagai titik perubahan untuk berusaha menjadi insan yang berguna kepada masyarakat, negara dan agama melalui potensi diri yang ada.

— DR. SAPORA SIPON,
USIM, Nilai Negeri Sembilan.